



جَاتِي مَجاَزِي اِسْلَامِ مَلَيْسِيَا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
BLOK D7 & D9, KOMPLEKS D,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62519 PUTRAJAYA

TEL: 03-88864000 FAKS: 03-88892039 WEBSITE: <http://www.islam.gov.my>

ISLAM  
HADHARI

JAKIM/(S)/(3.00)/430/30

Tarikh: 25 September 2008

25 Ramadhan 1429H

**Leftenent Kolonel Dr. Alif Aiman Abdullah**

Appartment 7-3-4 Menara Hartamas  
Jalan Sri Hartamas  
50480 Kuala Lumpur

السلام علیکم ورحمة الله وبرکاته

Y. Bhg. Left. Kolonel Dr.,

**KEPUTUSAN MESYUARAT PANEL KAJIAN SYARIAH KALI KE-63 BERHUBUNG LATIHAN TEMPUR TANPA SENJATA**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian Y.Bhg Left. Kol. Dr. berhubung perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Panel Kajian Syariah Kali Ke-63 yang bersidang pada 28 hingga 30 Julai 2008 telah pun meneliti isu berhubung Latihan Tempur Tanpa Senjata yang akan dilaksanakan oleh pihak Y.Bhg. Left. Kol. Dr. bagi psukan khas polis dan tentera.
3. Sehubungan dengan itu, mesyuarat bersetuju dan mengambil keputusan seperti berikut:

- a) Program Latihan Tempur Tanpa Senjata seperti yang dijalankan oleh Koma Seapac Services adalah harus dan tidak bercanggah dengan aspek syarak; dan
- b) Pengaturan disarankan untuk mengamalkan adab dan etika Islam dalam pelaksanaan program latihannya seperti berikut:
  - i. Memulakan latihan dengan bacaan doa bagi semua ahli beragama Islam;
  - ii. Memelihara waktu solat;
  - iii. Menutup aurat; dan
  - iv. Menjaga batas-batas pergaulan antara lelaki dan perempuan (jika ada).

4. Pihak jabatan ingin memohon maaf di atas kelewatan mengemukakan keputusan mesyuarat secara rasmi kepada pihak Y.Bhg. Left. Kol. Dr. Sebarang kesulitan amatlah dikesali.

Sekian,

Saya yang menurut perintah,

(**HAJI RAZALI BIN SHAHABUDIN**)

Pengarah  
Bahagian Penyelidikan  
JAKIM